



Ministry of Industry and Primary Resources

TEKS UCAPAN YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
YAHYA
BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR, MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER
UTAMA SEMPERA PERASMIAN HARI PELANGGAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER
UTAMA

*Tarikh : Hari Khamis, 5hb. Julai 2012
Tempat : Dewan Setia Pahlawan,
Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Warabakatuh dan Salam Sejahtera

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu wa Taala, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Negara; Yang Mulia Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Yang Mulia Ahli-ahli Dewan Perniagaan, Pengerusi Majlis, Pengarah-Pengarah; Pegawai-Pegawai Kanan; Hadirin dan Hadirat yang saya muliakan sekalian.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wa Taala kerana pada tahun ini sekali lagi kita dapat mengungayahkan Hari Pelanggan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Tahun 2012 merupakan 10 tahun pertama bagi Kementerian ini bagi melaksanakan sasaran 2023, yangmana merupakan perkara penting untuk melihat pencapaian dalam jangka waktu tersebut. Disamping itu ianya perlu untuk mengimbas kembali cabaran-cabaran yang dihadapi agar kita lebih bersedia dalam mencapai sasaran pengeluaran kasar 4.5 billion pada tahun 2023. Dengan yang demikian ianya memberikan peluang bagi Kementerian ini untuk menghalusi perancangan yang sedia ada dan yang akan datang.

Ke arah membantu Kementerian ini untuk mencapai sasaran berkenaan, satu Strategic Planning Framework 2012-2017 telah dihasilkan. Di antara perkara yang penting yang perlu ditekankan ialah 8 penekanan strategik yang dikumpulkan kepada 4 kluster iaitu sekuriti makanan; sosio-ekonomi; kepelbagaian ekonomi; dan perusahaan kecil dan sederhana. Melalui pendekatan secara kelompok ini bukan saja akan dapat meningkatkan produktiviti dan efisiensi, malah akan dapat memberikan kesan sinergi dan menggalakkan setiakawan dalam kerja harian.

Hari Pelanggan pada tahun ini telah disusun seperti di tahun-tahun yang sudah yangmana terbahagi kepada tiga format iaitu sesi dialog-forum; pameran; dan lawatan ke tapak-tapak perindustrian. Apa yang menjadi keistimewaan pada tahun ini ialah sesi dialog yang akan dikongsikan secara terbuka yangmana akan disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian ini yang berkisar mengenai 4 kluster yang saya sebutkan sebentar tadi. Setelah itu diikuti pula dengan forum yang memfokuskan tentang kepelbagaian ekonomi dan sekuriti makanan yang akan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) Kementerian ini. Manakala forum kedua iaitu mengenai sosio-ekonomi dan pengusaha kecil dan sederhana, akan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan).

Mengenai dengan pameran, selain daripada 4 kluster, Kementerian ini juga akan menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat bagi perkara yang berkaitan dengan pemeriksaan haiwan kesayangan dan penjagaan ternakan/tanaman/ikan. Kemuncak pameran ialah promosi produk-produk tradisional seperti songkok dan kain tenunan Brunei. Sebanyak 6 syarikat telah ikut serta. Disamping itu beberapa buah syarikat yang lain juga telah dijemput untuk turut serta bagi mempromosikan produk-produk buatan Brunei mengikut sektor masing-masing

termasuklah juga beberapa buah syarikat yang pernah memenangi Anugerah SME's dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan.

Dalam pada itu Hari Pelanggan pada tahun ini juga telah menyusun program lawatan ke beberapa buah lokasi termasuk Marine Biodiversity Centre, Meragang yang baru saja saya rasmikan pembukaannya baru-baru ini. Lokasi yang juga dikenalpasti dalam program lawatan ialah; Aewon Garments and Embroidery Sdn Bhd, Kilanas; A Fontane, Serusop; dan Timber Tech, Kg Salar.

Program-program yang terkandung dalam Hari Pelanggan tahun ini adalah di antara inisiatif dan produk Kementerian pada masa ini. Sebagai kesinambungan kepada 4 kluster yang saya sebutkan tadi, beberapa perancangan InsyaAllah akan dilaksanakan dimasa akan datang yang mana dapat memberikan kesan sinergi dan menggalakkan setiakawan dalam kerja harian. Pendekatan yang juga akan digunapakai ialah 'Key Performance Indicator' (KPI) yang betul, mudah diukur dan dipantau yang setentunya akan memudahkan Kementerian ini untuk menilai samaada apa yang dilakukan akan menepati matlamat. Ke arah meningkatkan keyakinan serta kepercayaan orang ramai pula, Kementerian ini akan berusaha untuk memperolehi dan mencapai pengiktirafan ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti. Seterusnya, bagi meningkatkan usaha yang lebih kreatif dan inovatif dalam mengembangmajukan industri-industri 'niche' yang berdayatahan dan berdayasaing, kementerian ini akan bergerak ke arah penjenamaan semula (rebranding).

Melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan, kita menjangkakan terdapat beberapa faedah yang dapat dicapai dengan adanya peluang-peluang disediakan nanti khususnya kepada pelanggan dari segi penyediaan dan penyampaian perkhidmatan.

Saya juga berharap ianya akan dapat mengwujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi kepada anak-anak tempatan dan sekaligus menyumbang kepada generasi masakini dan juga boleh dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang, InsyaAllah.

Akhir sekali, kita berdoa semoga Hari Pelanggan yang diadakan pada hari ini merupakan landasan ke arah usaha berterusan Kementerian ini bagi mencapai sasaran perancangan strategik. Maklumbalas yang positif dan membina adalah dialu-alukan demi kebaikan bersama.

Seterusnya dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan dengan berkat kalimah Bismillahirrahman Nirrahim, saya dengan ini merasmikan Hari Pelanggan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tahun 2012.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.